

## Sime Darby Property Melaksanakan Penyelesaian Solar untuk Pembangunan Perbandarannya

- Sime Darby Property menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (*'National Energy Transition Roadmap'* atau "NETR") Kerajaan untuk mencapai 70% kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang 2050;
- Projek perintis bumbung solar dengan 1,000 unit tanah kediaman di Bandar Elmina;
- Inisiatif itu berpotensi untuk dilaksanakan di 10,000 rumah Sime Darby Property pada masa hadapan yang akan dilancarkan dalam tempoh lima tahun akan datang.

**ARA DAMANSARA, 27 JULAI 2023** – Bersempena dengan pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga ("NETR") Fasa 1 oleh Menteri Ekonomi, YB Mohd Rafizi Ramli di Siri Istimewa Invest Malaysia KL 2023, Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Kumpulan") menggariskan sokongannya terhadap wawasan Kerajaan untuk mencapai 70% kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang 2050.

Dengan sebuah pembedaan yang bertajuk *Sime Darby Property – Penyelesaian Solar untuk Perbandaran* (*'Sime Darby Property – Solar Solutions for Townships'*), Kumpulan memetakan usahanya ke dalam penyelesaian bumbung untuk pengeluaran tenaga solar. Usaha ini sejajar dengan strategi Kumpulan untuk menjadi sebuah syarikat hartanah dengan pelbagai aliran sumber pendapatan menjelang 2025.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata: "Dalam menghadapi peralihan tenaga global, komitmen kami melangkaui pemaksimuman nilai aset kami; ianya adalah mengenai pembentukan masa hadapan. Penglibatan Kumpulan dalam tenaga boleh diperbaharui ini mewujudkan pelbagai aliran sumber pendapatan, dan membawa kepada era pertumbuhan yang mampan untuk Sime Darby Property dan para pelabur kami".

Sime Darby Property sedang melihat kepada penyelesaian bumbung solar dengan 1,000 unit tanah kediaman sebagai projek perintis di Bandar Elmina, Shah Alam yang menerajui perbandaran hijau dan pengurangan pelepasan karbon. Dengan projek perintis yang berjaya, inisiatif ini mampu diperluaskan kepada 10,000 rumah Sime Darby Property pada masa hadapan untuk dilancarkan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Dato' Azmir menambah, "Ini bukan sahaja mengenai penjanaan tenaga malah ia juga tentang pewujudan ekosistem di mana bekalan daripada bumbung rumah yang tidak digunakan sebelum ini yang dibina oleh Sime Darby Property dimanfaatkan untuk memenuhi permintaan tenaga hijau yang semakin tinggi. Di bawah model ini, bumbung dipajak daripada pembeli rumah untuk pemasangan penyelesaian solar. Tenaga solar yang dijana di perbandaran diguna pakai oleh pengguna-pengguna berpermintaan tinggi dari sektor runcit/komersial atau perindustrian".

Pada masa hadapan, Sime Darby Property juga menjangkakan ladang solar berskala besar dibangunkan di atas anggaran 1,000 ekar tanahnya di Johor dan Kedah. Sebagai tambahan kepada penyelesaian bumbung solar, pembekalan tenaga solar daripada ladang-ladang solar tersebut akan digunakan untuk mengimbangi keperluan permintaan di perbandarannya.

Dato' Azmir menyimpulkan, "Kami akan mengorak langkah seterusnya di perbandaran kami, dengan Sime Darby Property sebagai penjana utama tenaga solar untuk perbandaran sedia ada dan taman perindustrian, antara lain. Walau bagaimanapun, usaha ini melangkaui sekadar usaha komersial, ia adalah mengenai usaha untuk memperkasakan masyarakat dan memainkan peranan yang penting dalam peralihan tenaga boleh diperbaharui yang bercita-cita tinggi di Malaysia. Sime Darby Property akan terus memainkan peranan penting dalam merealisasikan dan memacu usaha Kerajaan dalam mencapai sasaran karbon sifar bersih".

**-TAMAT SIARAN-**

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri hartanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju hartanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobatkan sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)